

Apo-Clopidogrel 75mg film-coated tab

Clopidogrel Bisulfate

Apa kandungan risalah ini

Risalah ini mengandungi jawapan untuk sesetengah persoalan yang biasa ditanya tentang ubat ini. Bagaimanapun ia tidak mengandungi semua maklumat tentang ubat ini. Ia juga tidak boleh mengambil alih tugas doktor atau ahli farmasi anda.

Setiap ubat mempunyai risiko dan manfaatnya sendiri. Doktor anda akan menentukan risiko yang ada di sebalik manfaatnya dalam penggunaan ubat ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan mengenai pengambilan ubat ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Sila simpan risalah ini bersama-sama dengan ubat ini.

Anda mungkin perlu membacanya semula.

Apa kegunaan ubat ini

Anda telah diperskripsikan APO-CLOPIDOGREL kerana anda mempunyai risiko untuk mendapat pembekuan darah yang tidak diingini (trombi).

Pembekuan darah ini boleh membawa kepada simptom-simptom yang berlaku dalam pelbagai bentuk, seperti angin ahmar, ketakstabilan angina, serangan jantung, atau penyakit arteri perifer (sakit pada kaki ketika berjalan atau berehat). APO-CLOPIDOGREL diambil untuk menghalang pembekuan darah yang lanjut justeru mengurangkan risiko untuk mendapat ketakstabilan angina, serangan jantung, atau angin ahmar.

Bagaimana ubat ini berfungsi

Tablet APO-CLOPIDOGREL tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil ubat antiplatelet. Platelet ialah sejenis struktur kecil dalam darah, lebih kecil daripada sel darah merah dan sel darah putih, yang bergumpal semasa pembekuan darah. Dengan mencegah penggumpalan ini, ubat antiplatelet mengurangkan kemungkinan pembentukan darah beku (sejenis proses yang dipanggil trombosis).

Sebelum penggunaan

Bila anda tidak dibenarkan ambil

- Jika anda alergik terhadap sebarang bahan yang terkandung dalam tablet ini.
- Jika anda mempunyai masalah perubatan yang mengakibatkan pendarahan, seperti ulser perut.
- Jika anda mempunyai penyakit atau kerosakan pada hati.

Sebelum mula pengambilan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Anda sedang hamil atau hamil semasa mengambil APO-CLOPIDOGREL, atau sedang menyusukan anak.
- Anda mempunyai kecederaan teruk baru-baru ini.
- Anda baru menjalani pembedahan (termasuk pembedahan gigi).
- Anda akan menjalani pembedahan. Doktor anda mungkin akan meminta anda untuk menghentikan pengambilan APO-CLOPIDOGREL selama 5-7 hari sebelum pembedahan tersebut.

- Anda mempunyai gangguan pendarahan yang menyebabkan anda cenderung untuk mendapat pendarahan dalam (endarahan dalam tisu badan, organ atau sendi) atau cenderung untuk mengalami pendarahan yang berlarutan lebih daripada 10 minit tanpa mengambil sebarang ubat.

Pengambilan ubat-ubatan lain

Ubat-ubatan yang boleh berinteraksi dengan APO-CLOPIDOGREL termasuklah: ASA, NSAIDS, heparin, warfarin, digoxin, theophylline, antasid.

Bagaimana untuk ambil

Berapa banyak untuk diambil

Dewasa (Termasuk warga emas):

Anda perlu ambil satu tablet 75 mg APO-CLOPIDOGREL setiap hari, melalui mulut. APO-CLOPIDOGREL boleh diambil bersama makanan atau tidak. Jika anda mempunyai angina yang tidak stabil atau serangan jantung, dos 300 mg untuk satu kali boleh diberi diikuti dengan satu tablet 75 mg setiap hari.

Kanak-kanak dan remaja:

Penggunaan APO-CLOPIDOGREL tidak disarankan untuk kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun.

Bila untuk diambil

Anda perlu mengambil ubat ini secara tetap pada waktu yang sama setiap hari.

Berapa lama untuk diambil

APO-CLOPIDOGREL perlu diambil dalam tempoh jangka masa yang panjang dibawah penyeliaan doktor anda.

Jika anda lupa untuk ambil

Jangan bimbang. Ambil jumlah dos yang disyorkan sebaik sahaja anda teringat semula, melainkan sudah hampir waktu untuk dos seterusnya. Kemudian, ambil dos yang seterusnya pada waktu yang betul. Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang sudah terlepas.

Jika anda ambil terlalu banyak (terlebih dos)

Jika anda terambil lebih daripada dos yang disyorkan, hubungi bahagian kecederaan yang terdekat atau beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera. Jangan lupa bawa bersama bekas ubat ini dengan lebih tablet bersama anda.

Dalam masa penggunaan

Perkara yang harus dilakukan

Jika anda perlu berjumpa dengan doktor atau doktor gigi lain semasa dalam pengambilan APO-CLOPIDOGREL, anda perlu maklumkan kepada mereka bahawa anda sedang mengambil APO-CLOPIDOGREL.

Perkara yang dilarang

Semasa pengambilan APO-CLOPIDOGREL adalah penting bagi anda untuk tidak mengambil sebarang ubat selain daripada yang diperskrripsikan oleh doktor anda.

Perkara yang perlu berhati-hati

Tiada

Kesan sampingan

Kesan sampingan yang telah dilaporkan mengenai APO-CLOPIDOGREL adalah:

- Ruam dan/atau gatal-gatal
- Cirit-birit
- Kesakitan pada bahagian abdomen

- Ketakceraan atau pedih hulu hati
- Sembelit
- Pendarahan dalam perut, dubur atau mata
- Gangguan hempedu atau hati
- Darah dalam urin
- Reaksi alergi biasa seperti pembengkakan pada bahagian muka, bibir, dan/atau lidah, kesesakan nafas
- Pendarahan pada salur darah di dalam kepala

Dalam kes yang jarang sekali, sakit sendi dan/atau sakit otot pernah dilaporkan.

Hubungi doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami;

- Demam, tanda-tanda jangkitan atau keletihan melampau. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengurangan sesetengah sel darah yang jarang berlaku.
- Tanda-tanda masalah pada hati seperti penguningan warna kulit dan/atau mata (penyakit kuning), sama ada berkaitan dengan pendarahan dan/atau kekeliruan atau tidak.

Jika anda terluka atau tercederakan diri anda, ia mungkin mengambil masa yang lebih lama daripada biasa untuk pendarahan berhenti. Keadaan ini berkaitan dengan fungsi ubat ini. Untuk luka dan kecederaan kecil, contohnya, terluka ketika bercukur, keadaan ini tidak merbahaya. Bagaimanapun, jika anda mempunyai sebarang keraguan, anda perlu hubungi doktor anda dengan segera.

Keupayaan anda untuk memandu atau mengemudi peralatan mesin yang rumit tidak sepatutnya terjejas.

Selepas menggunakan ubat ini

Penyimpanan

Anda diingatkan supaya menyimpan APO-CLOPIDOGREL dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bekas ini.

Simpan APO-CLOPIDOGREL pada suhu bilik (bawah 25°C).

Pelupusan

Sekiranya anda masih mempunyai lebih ubat ini selepas anda hentikan pengambilannya atas arahan doktor atau kerana anda dapati ubat ini telah melepasi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda tentang langkah yang perlu diambil.

Perihal Produk

Bagaimana rupa ubat ini

Tablet APO-CLOPIDOGREL berwarna merah-keperangan, bulat, bersalut sapat, dan berukir "CL" di atas "75" dan berukir "APO" pada permukaan yang sebaliknya.

Terdapat dalam pek gelembung berisi 30 tablet.

Bahan Kandungan

Setiap tablet APO-CLOPIDOGREL mengandungi clopidogrel bisulfate sebagai bahan aktif.

Bahan bukan ubat lain ialah anhydrous lactose, methylcellulose, crospovidone, colloidal silikon dioksida, zinc stearate, hydroxypropyl cellulose, hydroxypropylmethyl cellulose, polyethylene glycol, titanium dioksida dan ferric oxide merah (warna jigga).

Nombor Pendaftaran Malaysia

MAL 07090937A

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive

Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh Semakan

1 Jun 2011